

## **ANALISIS KREATIVITI GURU PELATIH TERHADAP PERANCANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB MENDEPANI ERA 4.0**

*(Analysis of Trainee Teachers' Creativity in Planning Arabic Teaching and Learning Activities Towards 4.0 Era)*

NOOR SHAMSHINAR ZAKARIA\* & NOR AZHAN NORUL'AZMI

### **ABSTRACT**

*The practice of preparing Daily Lesson Plan (DLP) among teachers is not an uncanny task. However, it still becomes an issue when the teaching and learning (T&L) turns to teacher-centered, whiteboard-oriented, relying on content and activities which merely provided by the Ministry of Education Malaysia and adopting textbooks without the support from other sources. Failure to plan activities in the DLP creatively and interestingly will result in unattainable learning outcomes. Thus, the complexity of ideas, strategic implementation and problem-solving actions in T&L become the main sticks in determining teacher's competency. This study analyses trainee teachers' creativity in planning Arabic T&L activities and identifies whether the elements of creativity planned are in line with the 21st century in coping with communication and technological development in 4.0 era. It uses a qualitative method through the analysis of 17 DLP writings to obtain research data. The data were analyzed based on four components of T&L activities, namely set induction, strategies, teaching aids and Higher Order Thinking Skills. Findings showed that trainee teachers practise less creativity in planning Arabic T&L activities, and it is still based on traditional methods. Elements of creativity in set induction, T&L strategies, and HOTS need to be further enhanced. Nevertheless, there are some trainee teachers who employed the latest technology that depicts the element of teachers' creativity in Arabic T&L activities. The implications of the study indicate that trainee teachers need to plan Arabic T&L activities creatively that meet the language skills and acquisition in line with 21st century T&L activities. Furthermore, trainee teachers should incorporate their creativity in planning T&L activities and keep abreast of the latest T&L knowledge and skills.*

**Keywords:** Trainee Teachers' Creativity; Daily Lesson Plan; Arabic Language Teaching and Learning Activities; Era 4.0

### **ABSTRAK**

*Amalan menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dalam kalangan guru bukan suatu proses yang baharu. Namun, ia masih lagi menjadi isu apabila pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih berpusatkan kepada guru, banyak menggunakan papan putih, bergantung kepada isi kandungan dan aktiviti daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sahaja dan mengguna pakai buku teks tanpa sokongan sumber lain. Kegagalan merancang aktiviti RPH secara kreatif dan menarik menyebabkan objektif tidak dapat dicapai. Maka, kerencaman idea, pelaksanaan*

*yang strategik dan tindakan menyelesaikan masalah dalam PdP menjadi kayu akur utama menentukan kompetensi guru. Kajian ini menganalisis gaya kreativiti guru pelatih terhadap perancangan aktiviti PdP Bahasa Arab dan mengenal pasti unsur kreativiti yang dirancang sejajar dengan aktiviti PdP abad ke-21 bagi mendepani perkembangan teknologi dan komunikasi era 4.0. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis sebanyak 17 penulisan RPH bagi mendapatkan data kajian. Data dianalisis berdasarkan empat komponen aktiviti PdP iaitu set induksi, strategi pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar (BBM) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Dapatan menunjukkan guru pelatih kurang memperlihatkan kreativiti terhadap perancangan aktiviti PdP Bahasa Arab. Aktiviti tersebut masih menjurus kepada kaedah tradisional. Unsur kreativiti dalam set induksi, strategi PdP dan KBAT perlu ditingkatkan lagi. Namun, terdapat sebahagian guru pelatih yang menggunakan teknologi terkini yang menampakkan unsur kreativiti dalam PdP mereka. Implikasi kajian menunjukkan guru pelatih perlu merancang aktiviti PdP yang kreatif dan sesuai dengan kemahiran dan pemerolehan bahasa selari dengan aktiviti PdP abad ke-21. Guru pelatih seharusnya meningkatkan daya kreativiti semasa merancang aktiviti dan cakna terhadap pengetahuan dan kemahiran PdP yang terkini.*

*Kata kunci:* Kreativiti Guru Pelatih, Rancangan Pengajaran Harian, Aktiviti PdP Bahasa Arab, Era 4.0

## PENGENALAN

Kreativiti guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah faktor keberhasilan pelajar dalam mencapai objektif sesuatu topik secara khususnya dan mendalam sesuatu subjek umumnya. Kreativiti ini termasuk melalui aktiviti yang dijalankan, membina bahan dan teknik penyoalan (Raja Ismail dan Ismail 2018). Namun, sebelum PdP dilaksanakan, guru perlu menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang berkualiti dan memastikan ia memberi fokus kepada objektif yang ingin dicapai dalam sesuatu topik pengajaran. Pengajaran Bahasa Arab juga tidak dapat lari daripada unsur kreativiti guru dalam merancang dan menulis RPH yang cemerlang. Kreativiti yang dimaksudkan pula perlulah seiring dengan kehendak semasa dunia pendidikan yang sering kali mengalami perubahan dari masa ke masa. Perubahan dan pembangunan teknologi memainkan peranan besar dalam mengubah kreativiti guru dalam PdP daripada pengajaran tradisional kepada pengajaran berbantuan teknologi maklumat, penggunaan peralatan digital dan internet seperti komputer, papan putih pintar (*smart board*), buku elektronik (*e-book*), gajet elektronik terkini seperti tablet, serta penggunaan internet secara meluas.

Kreativiti dalam PdP perlu dirancang dengan teliti dan mestilah selari mengikut arus pendidikan dan peredaran dunia teknologi dan maya seperti keperluan era 4.0. Perancangan PdP bermula daripada penulisan RPH lagi, iaitu guru perlu memiliki kebijaksanaan dan kreatif dalam menulis RPH dengan melaksanakan pelbagai aktiviti PdP yang sesuai dengan tahap dan penerimaan pelajar serta mengaplikasikan peranti elektronik dan komunikasi secara maya dengan pelajar. Selain itu, isu pandemik COVID-19 yang telah mengejutkan dunia pada penghujung tahun 2019 juga telah mendesak guru dan pelajar menjalani PdP secara maya demi menjaga penjarakan sosial dan penularan wabak ini. Semua pihak perlu mematuhi penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dijalankan oleh kebanyakan negara di

dunia. Oleh yang demikian, penyediaan RPH menuntut guru lebih kreatif dalam merancang dan membina aktiviti serta cekap untuk mengendalikan PdP secara maya ini dengan pelbagai keperluan pendidikan seperti pembelajaran dalam talian dan pengajaran jarak jauh. Aktiviti-aktiviti ini termasuk mengurus bilik darjah maya, menyediakan bahan pengajaran secara elektronik, memuat naik bahan pengajaran melalui platform yang ditetapkan oleh sekolah dan menjalankan aktiviti PdP bersama pelajar.

Dapatan kajian Mohammad Rusdi Ab Majid (2017) menunjukkan hanya Pengetahuan Pedagogi (PP) berada pada tahap tinggi, manakala selebihnya iaitu Pengetahuan Teknologi (PT), Pengetahuan Kandungan (PK), Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK), Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP), Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) berada pada tahap sederhana tinggi. Oleh yang demikian, pembelajaran abad ke-21 yang menekankan penggunaan teknologi harus dititikberatkan dalam pengajaran guru. Kemahiran pembelajaran abad ini antaranya meliputi kemahiran sains dan teknologi (Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad 2017). Guru subjek Bahasa Arab harus memasukkan kemahiran ini dalam penulisan RPH mereka sebagai bentuk dan amalan yang diperlukan bagi mendepani era 4.0. RPH yang baik adalah memenuhi kehendak generasi Y dan Z yang mana mereka lebih gemar dan tertarik untuk mengikuti pembelajaran dengan adunan daripada isi kandungan subjek dan teknologi maklumat terkini.


Menurut Siti Rohani Jasni, Suhaila Zailani@Ahmad dan Hakim Zainal (2020), impak kreativiti guru sangat besar terhadap minat dan keberhasilan pelajar. Mereka menegaskan bahawa pelajar lebih berautonomi melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan menggalakkan mereka untuk mempraktik ilmu pengetahuan dalam konteks kehidupan yang sebenar. Ini bertepatan dengan matlamat pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia khususnya di mana pelajar boleh menggunakan pakai ilmu pengetahuan daripada bilik darjah dan berkomunikasi dengan bahasa ini sebagai bahasa kedua. Oleh yang demikian, aspek pengetahuan persediaan pengajaran boleh diamalkan oleh guru pelatih bagi melaksanakan PdP yang kreatif. Menurut Masnan dan Mohd Radzi (2015), aspek ini meliputi: i) hasil pembelajaran (isi kandungan dan amalan bersesuaian dengan perkembangan semasa), ii) persediaan alat bantu mengajar (faktor pemilihan dan pengurusan persediaan) dan iii) persediaan RPH (panduan KSPK dan perkembangan murid).

### Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) antara unsur yang harus diamalkan oleh semua guru untuk menyuntik keberkesanan dan mencapai hasil pembelajaran pelajar. Menyentuh mengenai kemahiran ini yang dimainkan oleh guru dalam PdP, kajian yang dijalankan oleh Suppiah Nachiappan et al. (2019) terhadap sampel Rancangan Pengajaran Harian (RPH) menunjukkan dapatan bahawa guru melaksanakan KBAT dalam PdP mereka. Antara elemen KBAT yang patut ada dalam pelaksanaan PdP ialah kemahiran mencerakinkan maklumat, menyiasat, mengaplikasi, menggambarkan, dan mengelaskan. Kemahiran-kemahiran sebegini adalah asas untuk dijadikan panduan apabila seseorang guru ingin mengadaptasi teknologi maklumat dan membina kreativiti semasa penyediaan RPH subjek Bahasa Arab juga.

### Model Pengajaran SIM (*Strategic Instruction Model*)

Model Pengajaran SIM mempunyai empat elemen utama yang menjadi tunjang kepada keberkesanan guru dalam pengajaran mereka. Elemen yang dimaksudkan ialah guru, murid, isi kandungan dan objektif (Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad 2017). Empat elemen ini berkait rapat antara satu sama lain agar aktiviti PdP berjalan seperti yang dirancang dalam RPH dan mencapai hasil pembelajaran yang optimum. Perkaitan dan pertalian empat elemen ini saling memerlukan antara satu sama lain seperti di Rajah 1.:



Rajah 1 Model Pengajaran SIM

#### Konsep 4C dalam Pengajaran Abad ke-21 (PAK-21)

Konsep 4C iaitu kreativiti (creativity), pemikiran kritis (critical thinking), kolaborasi (collaboration) dan komunikasi (communication) adalah antara tunjang yang menggerakkan keberhasilan PAK-21. Walau bagaimanapun, amalan guru pelatih bidang Pengajian Islam dari aspek kreativiti dan pemikiran kritis berada pada tahap sederhana (Raja Ismail dan Ismail, D., 2018). Di samping itu, Mohammad Rusdi Ab Majid (2017) mengatakan bahawa kreativiti pengajaran guru Bahasa Arab menunjukkan elemen motivasi dan persekitaran berada pada tahap tinggi dan elemen gaya pemikiran berada pada tahap sederhana tinggi. Maka, dua daptan yang ditunjukkan ini saling memberi kesan antara satu sama lain terhadap PdP Bahasa Arab. Ini kerana kebanyakan senario yang berlaku di sekolah di Malaysia, rata-rata subjek Bahasa Arab turut diajar oleh guru yang bukan opsyen yang terdiri daripada bidang Pengajian Islam.

Zakaria et al. (2019) turut membuktikan dalam kajian mereka bahawa keupayaan guru pelatih opsyen Bahasa Arab adalah pada tahap baik dalam menguasai aspek morfologi Arab, manakala pengetahuan lain seperti sintak, retorik dan sastera adalah memuaskan sahaja. Ini membuktikan bahawa tanpa asas dan ilmu pengetahuan yang kukuh dalam kalangan guru pelatih, maka sudah tentu amat sukar bagi mereka menyediakan RPH yang bermutu tinggi, sesuai untuk pelajar mereka dan mencapai objektif pembelajaran. Daripada Model Pengajaran SIM dan Konsep 4C tersebut, maka RPH yang disediakan perlu bersifat kreatif dalam pelbagai cara dan kaedah dengan menjangkau semua elemen yang disebutkan dalam Model Pengajaran SIM seperti guru, murid, isi pelajaran dan objektif yang hendak dicapai.

Berdasarkan kepada ulasan kajian terdahulu, maka pengkaji berpendapat bahawa konsep kreativiti dalam PdP yang dimainkan oleh guru pelatih perlu digilap seawal mungkin, iaitu pada peringkat awal latihan mereka. Kreativiti dan keberkesanan guru pelatih dalam PdP ini ditunjukkan oleh guru pelatih apabila menyediakan penulisan RPH sebelum dilatih dengan

kemahiran lain dalam pedagogi seperti dalam pengajaran mikro yang kerap diamalkan untuk menilai kemahiran pengajaran seseorang guru.

### Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kreativiti guru pelatih terhadap perancangan dalam melaksanakan aktiviti PdP Bahasa Arab melalui penulisan RPH. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur kreativiti yang dirancang dalam aktiviti PdP Bahasa Arab sejajar dengan PdP abad ke-21.

### Soalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang diutarakan, maka kajian ini bermatlamat untuk melihat:

- 1- Adakah guru pelatih mempunyai kreativiti dalam merancang aktiviti PdP Bahasa Arab melalui penulisan RPH?
- 2- Apakah unsur-unsur kreativiti yang dirancang oleh guru pelatih dalam aktiviti PdP Bahasa Arab sejajar dengan PdP abad ke-21?.

### Kepentingan Kajian

RPH adalah terjemahan kepada Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) yang terdiri daripada sekurang-kurangnya objektif atau matlamat pembelajaran, kaedah untuk mencapai objektif terbabit dan refleksi sejauh mana objektif itu tercapai. Oleh yang demikian, ia perlu dirangka dan disusun oleh guru mengikut sub-tajuk dan waktu sesuatu pelajaran supaya objektif yang disasarkan dapat dicapai di akhir sesi PdP. Bagi menjelaskan kepentingan RPH dalam proses PdP, ia boleh diringkaskan seperti idea terbabit:

1. Menentukan, merancang dan memastikan objektif sesuatu PdP tercapai,
2. Menyediakan RPH dengan mengambil kira tiga aspek utama iaitu situasi, tingkah laku pelajar dan tahap pencapaian berdasarkan elemen objektif secara implisit dan eksplisit, serta mematuhi kriteria pernyataan yang betul dan jelas,
3. Memastikan seseorang guru peka dengan sebarang keperluan untuk menyalurkan isi kandungan dan membincangkannya bersama pelajar dengan lebih tersusun dan yakin,
4. Membantu guru supaya tidak terkeluar dari objektif sebenar sesuatu pelajaran yang hendak diajar,
5. Memilih dan menyusun isi kandungan dari segi kesesuaian dan kuantiti mengikut waktu pelajaran yang telah diperuntukan oleh pihak sekolah,
6. Merancang strategi dan aktiviti yang terbaik dan sesuai untuk golongan atau tahap pelajar yang pelbagai untuk diperaktikkan bersama,
7. Memanfaatkan masa bersama pelajar untuk PdP secara optimum dan sistematik,
8. Menentukan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai mengikut minat pelajar, tahap serta berlandaskan kepada peredaran semasa dunia pendidikan seperti penggunaan teknologi,
9. Membantu guru menyediakan segala keperluan (latihan, BBM, aktiviti, penilaian dan lain-lain) yang telah dirancang dalam RPH lebih awal supaya tidak berlaku kekalutan dan rasa bimbang,

10. Mengjangka refleksi di akhir PdP dari segi kejayaan dan kegagalan dalam mencapai objektif lebih awal.

Maka, kajian ini akan memberi sumbangan yang penting untuk pelaksanaan aktiviti PdP sejarah dengan keperluan PdP abad ke -21 melalui:

1. Penyampaian isi kandungan yang bertepatan dan berfokus kepada objektif yang telah dibentuk oleh KPM. Demikian, guru pelatih akan merancang aktiviti yang kreatif dan sesuai serta mengikut keperluan semasa untuk dilaksanakan bersama pelajar.
2. Pengayaan dan penerapan kemahiran berfikir melalui tiga domain kemahiran berfikir (kognitif, metakognitif dan afektif) dalam aktiviti PdP. Pengesanan aktiviti yang merangkumi tiga domain ini menjadi kemestian bagi melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif dan kritis. Seterusnya, ia dapat merealisasikan aspirasi kerajaan untuk membina modal insan yang mempunyai minda kelas pertama.
3. Pelajar digilap dengan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK). Kemahiran ini perlu kepada penyediaan RPH yang menjurus kepada kehendak pelajar zaman kini, BBM yang kreatif, aktiviti yang berdasarkan “pembelajaran 4C” (iaitu: *communication, collaboration, critical thinking, creativity*) abad ke-21, serta meraikan kecenderungan otak kanan dan kiri pelajar yang mempunyai hubungan rapat dengan pencapaian dan motivasi mereka.
4. Pembinaan dan penilaian semula RPH Bahasa Arab mengikut keperluan semasa (peredaran zaman dan kehendak pelajar) selaras dengan kepesatan teknologi dan komunikasi. Ia membantu guru-guru dalam meneroka lebih banyak peluang untuk keberhasilan pelajar dan membolehkan mereka peka semasa menyediakan RPH.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Kaedah analisis dokumen ini digunakan kerana ia melibatkan deskripsi yang menyeluruh dan pemahaman yang mendalam terhadap fenomena yang dikaji. Menurut Creswell (2005) salah satu ciri-ciri kaedah kualitatif ialah “*the problems need to be explored to obtain a deep understanding*”, dan kaedah kajian ini dapat menghasilkan satu penyelidikan yang mempunyai kebenaran yang holistik dengan menerokai fenomena dari pelbagai dimensi. Bagi mendapatkan data kajian mengenai kreativiti guru pelatih terhadap perancangan PdP Bahasa Arab bagi mendepani era 4.0, kajian ini menganalisis penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang ditulis oleh guru pelatih Program Diploma Perguruan Pendidikan Islam Semester 4 sesi II 2020/2021 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) melalui tugas subjek Kaedah Asas Pengajaran Bahasa Arab. Penulisan RPH Bahasa Arab ini adalah satu tugas wajib yang perlu dilaksanakan oleh guru pelatih sebagai panduan ketika guru pelatih melaksanakan pengajaran mikro dalam bilik darjah. Sebanyak 17 penulisan RPH Bahasa Arab daripada keseluruhan 53 guru pelatih yang membentuk 17 kumpulan telah dianalisis berdasarkan komponen-komponen yang dinilai dari aspek perancangan aktiviti PdP iaitu set induksi, strategi pengajaran dan pembelajaran, Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan daya kreativiti guru pelatih terhadap perancangan aktiviti PdP Bahasa Arab abad ke-21 masih berada di kurang ditekankan dan menjadi amalan teras dalam menstruktur aktiviti di dalam kelas. Berdasarkan analisis daripada penulisan RPH dalam Jadual 1.0 yang ditunjukkan, kebanyakan aktiviti PdP Bahasa Arab masih menjurus kepada aktiviti berbentuk biasa dan tradisional. Unsur-unsur kreativiti perlu ditambah dan ditingkatkan lagi dalam aktiviti PdP Bahasa Arab supaya matlamat pembelajaran bahasa kedua ini dan hasil pembelajaran dapat dicapai secara optimum. Dari aspek set induksi, guru masih melakukan aktiviti yang hampir sama antara satu sama lain. Seharusnya aktiviti yang dilakukan perlu kepada suatu kelainan atau nafas baharu yang dapat membangkitkan suasana yang ceria dan menaikkan semangat pelajar untuk memulakan pembelajaran.

Bagi aspek strategi PdP, banyak aktiviti membaca yang boleh menarik minat pelajar selain mengikuti bacaan guru secara beramai-ramai, berkumpulan dan individu. Aktiviti yang sama akan menimbulkan rasa bosan kepada pelajar. Guru perlu memikirkan kaedah pengajaran seperti nyanyian, gerak tari, gubahan lirik, *TikTok* dan lain-lain yang lebih sesuai dengan minat pelajar. Kaedah terjemahan yang digunakan guru juga kurang meningkatkan daya berfikir pelajar. Pengajaran guru masih berlaku secara sehalia, iaitu guru menterjemahkan setiap perkataan yang diajar manakala pelajar menyalin makna perkataan pada buku teks. Selain menggunakan gambar, pelajar perlu diberi peluang mencari makna perkataan bersama rakan seperti mendapatkan bahan di pusat sumber, menggunakan kamus elektronik dan lain-lain.

Selain itu, aktiviti menulis masih berkaitan dengan menyalin perkataan, menulis perkataan di papan putih, menampal gambar dan mewarna pada buku aktiviti dan menyiapkan latihan pada lebaran kerja yang diberikan oleh guru. Aktiviti menulis boleh diperluaskan lagi dengan memberi tugas berbentuk projek kepada pelajar seperti pelajar menulis tulisan khat dan menjadikannya bahan untuk pertandingan tulisan tercantik di dalam kelas, menyediakan kamus kecil kosa kata Bahasa Arab dan lain-lain lagi. Guru juga boleh memberi tugas atau latihan kepada pelajar melalui *Google Classroom* di mana pelajar perlu mereka cipta satu replika gambar atau perkataan yang dipelajari dan memuat naik ke dalam aplikasi tersebut. Kaedah ini sudah pasti dapat meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar sekaligus menarik minat dan mencungkil bakat pelajar.

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian guru yang menggunakan kemudahan teknologi terkini sebagai bantu mengajar dalam pelaksanaan PdP Bahasa Arab seperti menggunakan rakaman video melalui Youtube, telefon bimbit, slaid, papan putih pintar dan bahan maujud sebagai medium untuk menarik minat dan meningkatkan kefahaman pelajar. Penggunaan BBM yang selari dengan aktiviti PdP abad 21 sudah pasti dapat menarik minat pelajar untuk menumpukan perhatian dan memberikan impak positif terhadap kefahaman mereka.

Jadual 1 di bawah menerangkan hasil kajian yang diperolehi semasa pemerhatian dan analisis RPH yang dirancang oleh guru pelatih:

Jadual 1 Komponen dan perancangan aktiviti PdP Bahasa Arab

Komponen	Perancangan Aktiviti PdP Bahasa Arab
	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Guru menunjukkan gambar kepada pelajar</li><li>2. Guru menyoal pelajar tentang gambar</li><li>3. Guru mengaitkan jawapan pelajar dengan tajuk (RPH 1,2,4,5,8,9,10,14,17)</li></ol>

---

	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Guru menunjukkan bahan maujud kepada pelajar</li> <li>5. Guru bertanyakan pelajar tentang bahan maujud</li> <li>6. Guru mengaitkan jawapan pelajar dengan tajuk (RPH 3,7,12)</li> <li>7. Guru memperdengarkan nasyid daripada <i>Youtube</i> kepada pelajar</li> <li>8. Guru menyoal pelajar apa yang mereka dengar daripada nasyid</li> <li>9. Guru mengaitkan nasyid dengan tajuk yang diajar (RPH 13,15)</li> <li>10. Guru mempamerkan slaid di hadapan kelas</li> <li>11. Guru bertanya pelajar tentang gambar pada slaid</li> <li>12. Guru mengaitkan gambar dengan tajuk (RPH 6,11,16)</li> </ol>
Set Induksi	<p>Aktiviti Kemahiran Membaca (A):</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru menyebut perkataan berdasarkan gambar kepada pelajar</li> <li>2. Guru mengulangi bacaan perkataan dan meminta pelajar membaca bersama guru</li> <li>3. Guru meminta pelajar membaca secara ramai, berkumpulan dan individu. (RPH 1,2,3,4,6,7,12,15)</li> <li>4. Guru menunjukkan perkataan yang ditulis pada kad imbasan (<i>flash card</i>) kepada pelajar</li> <li>5. Guru mengulangi bacaan perkataan dan meminta pelajar membaca bersama guru</li> <li>6. Guru meminta pelajar membaca secara beramai-ramai, berkumpulan dan individu. (RPH 8,10,11,12,13,15)</li> <li>7. Guru mempamerkan slaid yang mengandungi perkataan kepada pelajar</li> <li>8. Guru membaca bacaan contoh</li> <li>9. Guru mengulangi bacaan perkataan dan meminta pelajar membaca bersama guru</li> <li>10. Guru meminta pelajar membaca secara beramai-ramai, berkumpulan dan individu. (RPH 5,9,17)</li> <li>11. Guru memainkan lagu yang mengandungi perkataan kepada pelajar</li> <li>12. Guru menyanyikan perkataan mengikut rentak lagu sebagai bacaan contoh</li> <li>13. Guru mengulangi nyanyian perkataan dan meminta pelajar menyanyi bersama guru</li> <li>14. Guru membaca perkataan dengan jelas satu persatu dan meminta pelajar membaca secara beramai-ramai, berkumpulan dan individu. (RPH 14,16,)</li> </ol>
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (A)	<p>Aktiviti Menerang (B):</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru menunjukkan gambar kepada pelajar dan meminta pelajar meneka perkataan berdasarkan gambar</li> <li>2. Guru bertanyakan pelajar tentang gambar</li> <li>3. Guru mengaitkan gambar dengan pengetahuan sedia ada pelajar (RPH 3,5,6,7,10,11,12,13,16,17)</li> <li>4. Guru menyoal pengetahuan sedia ada pelajar tentang makna perkataan</li> <li>5. Guru memberi makna perkataan satu persatu kepada pelajar</li> <li>6. Guru menerangkan maksud perkataan beserta gambar</li> <li>7. Guru mengaitkan perkataan dengan kehidupan pelajar (RPH 1,2,4,8,9,14,15)</li> </ol>
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (B)	<p>Aktiviti Menulis (C):</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru meminta pelajar menulis perkataan di papan putih. (RPH 2,5,9)</li> <li>2. Guru meminta pelajar menyalin perkataan pada buku latihan (RPH 1,4,14,17)</li> </ol>

---

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (C)	<ul style="list-style-type: none"> <li>3. Guru meminta pelajar menyambung huruf-huruf menjadi perkataan (RPH 6,8,15,16,)</li> <li>4. Guru meminta pelajar mencantumkan suku kata menjadi perkataan (RPH 3,7)</li> <li>5. Guru meminta pelajar mewarnakan perkataan yang betul berdasarkan gambar. (RPH 10,11,12,13)</li> </ul>
Bahan Bantu Mengajar (BBM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Gambar berwarna yang dicetak</li> <li>2. Kad manila</li> <li>3. Kad imbasan</li> <li>4. Kertas warna-warni</li> <li>5. Kertas A4 (yang ditulis perkataan di atasnya)</li> <li>6. Papan gulung (yang ditulis latihan di atasnya)</li> <li>7. Slaid <i>Powerpoint</i></li> <li>8. Bahan maujud</li> <li>9. Telefon bimbit</li> <li>10. Papan pintar (<i>Smart board</i>)</li> <li>11. Pen penanda (<i>Marker pen</i>) pelbagai warna <i>(analisis menunjukkan senarai BBM yang terdapat dalam RPH)</i></li> </ul>
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Guru meminta pelajar menyusun huruf menjadi perkataan (RPH 1,5,11,12)</li> <li>2. Guru meminta pelajar memadankan gambar dengan perkataan yang betul (RPH 2,3,6,7,9,16,17)</li> <li>3. Guru meminta pelajar menyatakan contoh-contoh lain selain daripada perkataan yang diajar (RPH 8,14)</li> </ul>

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian menunjukkan guru pelatih perlu merancang aktiviti PdP Bahasa Arab yang kreatif dan sesuai dengan kemahiran dan pemerolehan bahasa selari dengan aktiviti PdP abad 21. Guru pelatih seharusnya meningkatkan daya kreativiti semasa merancang aktiviti PdP dan cakna terhadap pengetahuan dan kemahiran PdP yang terkini. Dalam konteks pendidikan hari ini, guru wajar melakukan perubahan dalam proses PdP supaya lebih inovatif (Kadir, Keon dan Abdullah 2014). Amalan dan kaedah pengajaran yang masih bercorak *chalk and talk* tidak relevan lagi buat masa kini bagi sesetengah topik perbincangan dan subjek. Guru pelatih disaran untuk mengatasi halangan yang wujud dalam diri seperti perasaan bimbang, rasa tidak tenteram, konflik dan kesukaran untuk mengubah amalan sedia ada kepada amalan baharu. Tidak dinafikan terdapat sebahagian guru pelatih yang tidak yakin dalam penggunaan alat-alat elektronik, komputer atau komunikasi yang canggih. Hal ini akan menjadi antara faktor di mana amalan kreativiti dan inovasi dalam kalangan guru pelatih terhalang.

Untuk memenuhi matlamat dan wawasan bagi mencapai keberkesanan dalam PdP Bahasa Arab era 4.0, guru pelatih perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Ini merangkumi kemahiran pengajaran abad ke-21 seperti pembelajaran dan kemahiran inovasi (*Learning and innovation skills*), kemahiran maklumat, media dan teknologi (*Information, media and technology skills*), kemahiran hidup dan kerjaya (*Life and career skills*) yang terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Raja Ismail dan Ismail 2018). Kreativiti guru pelatih dalam penulisan RPH pengajaran Bahasa Arab perlu diasah lebih awal termasuk kaedah dan kemahiran teknologi terkini yang diperlukan oleh dunia pendidikan semasa. Sebagai alternatif, Zakaria (2019a) ada memberi

saranan kepada guru-guru untuk mengamalkan komunikasi bukan lisan yang berkesan dalam kelas maya yang boleh dijadikan panduan sebagai simbol integrasi teknologi dan komunikasi dalam dunia pendidikan.

Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017) menyatakan pembelajaran abad ke-21 memberi kesan positif kepada sikap dan motivasi pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam pembelajaran. Pernyataan ini disokong juga oleh pandangan Nor Azhan Norul'Azmi dan Noor Shamshinar Zakaria (2021) tentang keperluan untuk menyiapkan diri pelajar dengan pengalaman dan hasil pembelajaran yang sebenar seperti pembelajaran berdasarkan projek. Guru yang cemerlang dan berwibawa memulakan langkah pertama dengan bijak dan kreatif dalam menyusun atur aktiviti pembelajaran semasa penyediaan RPH lagi. Justeru, guru pelatih perlu membentuk sikap yang positif semasa menjalani latihan perguruan demi menyiapkan diri untuk melaksanakan PdP yang sebenar apabila bergelar guru profesional kelak.

Beberapa cadangan untuk penambahbaikan dan persediaan untuk menjadi seorang guru yang dinamik dan berwawasan dapat diuraikan seperti mana di bawah:

#### Untuk Pengajaran Guru

1. Menukar BBM tradisional kepada BBM yang lebih segar dan menarik minat pelajar dengan melakukan eksperimen baharu serta mempelbagaikan BBM secara maya. Ini diakui oleh kajian Abdullah, Abdul Muait, dan Ganefri (2019) bahawa sikap pelajar sangat positif dalam menggunakan BBM melalui teknologi moden serta kajian menyatakan bahawa juga pendidikan moden adalah pilihan tepat dan berdaya maju bagi keberkesanan pendidikan itu sendiri. Ada pelbagai cara dapat diamalkan seperti memuat naik video dan imej dari internet. Justeru, guru bukan hanya bergantung kepada BBM yang dilakar pada kad seperti berlaku di dalam bilik darjah tradisional sahaja, tetapi bijak mengambil peluang daripada faedah teknologi maya yang sedia ada di internet.
2. Menggunakan teknologi dan medium yang tidak membebankan pelajar seperti *Instagram*, *Facebook*, *Telegram* dan *WhatsApp*. Pastikan komunikasi berkesan dengan mengenal pasti tahap murid, sebagai contoh pengajaran segerak (*synchronous*) untuk murid peringkat rendah dan tidak segerak (*unsynchronous*) untuk tahap menengah. Côté, dan Gaffney (2021) mendakwa pelajar berasa kurang bimbang ketika sesi PdP segerak melalui komunikasi berbantuan komputer serta dapat menyertai aktiviti lebih banyak.
3. Menggunakan laman sesawang seperti *Canvas.apps.chrome* dalam *Google Meet* bagi penggunaan papan putih maya (*Whiteboard*). Atau, guru boleh juga menggunakan *Whiteboard.fi* semasa kelas maya secara segerak. Reguera and Lopez (2021) secara jelas menyebut bahawa pelajar dalam kajian mereka menikmati dinamika PdP yang dilaksanakan, berpandangan bahawa penggabungan papan putih digital membantu mereka untuk memahami isi kandungan dan dalam masa yang sama memupuk sikap utnuk turut serta dalam aktiviti kelas.
4. Menghasilkan video sendiri dengan prarakaman sebelumnya untuk meraih minat pelajar di samping menyelit video pengajaran lain di internet seperti daripada *Youtube*. Wang et al. (2022) semasa mengkaji tentang pembelajaran video secara langsung, prarakaman dan hybrid berjaya menarik minat pelajar dalam menyambung pengajaran. Tambah mereka lagi, antara pembelajaran video yang amat digemari ialah mod hybrid di mana ia membuka peluang untuk lebih banyak interaksi, penglibatan, kepuasan yang maksimum,

memahami kebolehgunaan dan hasrat untuk meneruskan pembelajaran yang serupa pada masa akan datang. Justeru, guru mesti mempunyai kemahiran dalam menggunakan teknologi dan ada kemauan untuk belajar menggunakan teknologi jika tidak berkemahiran.

5. Peka dan sentiasa mengawal bilik darjah seperti kewajipan guru di dalam bilik darjah tradisional. Ini membawa maksud bahawa guru bukan hanya membiarkan PdP yang dirancang dimanfaatkan oleh sebahagian pelajar sahaja, tetapi semua kelompok dapat mencapai hasil pembelajaran. Guru boleh menggunakan emoji sebagai tanda pujian atau memanggil secara rawak nama pelajar yang leka atau sebagainya. Ini diakui oleh Albrahim (2020) semasa membincangkan tentang kemahiran pengajaran dalam talian dan kompetensi bahawa ia merangkumi enam kategori, iaitu: kemahiran pedagogi, kemahiran isi kandungan, kemahiran mereka bentuk, kemahiran teknologi, kemahiran institusi dan pengurusan dan kemahiran komunikasi dan sosial.
6. Menjaga postur tubuh badan semasa kelas berlangsung. Elak untuk duduk di meja dan bercakap sahaja kerana murid akan cepat berasa bosan dengan banyak mendengar penjelasan guru secara verbal. Carlotta Olivetti et al. (2019) menyebut seorang tenaga pengajar sukar untuk memerhati gerak geri pelajar sehingga menyebabkan pemerolehan pengetahuan menjadi perkara yang sukar juga dalam kalangan pelajar. Justeru, guru perlu mahir dalam menggunakan bahasa tubuh, bergerak, berdiri jika perlu, menggunakan bahan maujud supaya mewujudkan suasana baharu sebagaimana pelajar menonton persembahan pentas dan drama di kaca TV.
7. Membelanjakan sejumlah wang untuk keperluan kelas maya. Guru tidak boleh semata-mata berharap kepada infrastruktur yang dibekalkan oleh sekolah lagi. Mereka juga memainkan peranan utama dalam membantu pelajar dalam pembelajaran digital, ini kerana terdapat isu yang berlaku sepanjang pembelajaran maya antaranya, ketersediaan peralatan dan kandungan isi pelajaran digital yang tidak mencukupi (Mushtaque et al. 2019). Terdapat pelbagai gajet yang boleh digunakan untuk menambah mutu PdP seperti *Ring Light* atau lampu selainnya untuk pencahayaan yang baik, mikrofon tanpa wayar (*wireless handheld microphone*) dan mikrofon mudah alih (*portable microphone*) untuk kejelasan suara dan sebagainya.

#### Cadangan Untuk Pembelajaran Pelajar

1. Aktiviti pelajar perlu selaras dengan perkembangan teknologi semasa era 4.0 di mana ilmu pengetahuan dan kemahiran asas perlu dicapai oleh semua golongan pelajar semasa sesi PdP. Antaranya ialah dengan menukar aktiviti berbentuk tradisional kepada digital. Ini merangkumi pendedahan yang diberikan oleh pelajar dan pihak sekolah dalam penggunaan aplikasi melalui telefon dan komputer. Penggunaan kertas dan pensil ada kalanya perlu dikurangkan supaya kos pembelajaran tidak membebankan dan pelajar lebih memahami kepentingan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) untuk PdP. Hal ini menjadikan proses pembelajaran memberi kesan kepada peningkatan kemahiran pembelajaran bahasa pelajar (Ahmadi 2018) dengan penggunaan teknologi baharu yang berkesan; dan memberi motivasi kepada mereka selain penggunaan buku bercetak (Puspitarini dan Hanif 2019).
2. Penglibatan pelajar secara kaedah sembang atau santai (bukan formal yang merapatkan jurang dan kefahaman pelajar terhadap maklumat), bincang (komunikasi dua hala),

*brainstorm* (beri masa mencukupi sebelum atau semasa) dan bentang (berlaku selepas aktiviti PdP tamat). Demikian, penglibatan pelajar dalam mencapai objektif pembelajaran ini bukan hanya berlaku melalui perkongsian isi kandungan di skrin, atau rakaman video sahaja, malah digilap dengan strategi pelajar-guru seperti sesi soal-jawab dan memberi peringatan antara satu sama lain (Abou-Khalil et al. 2021).

3. Permainan dalam talian seperti *Baamboozle* (warna), gerak badan dan isyarat anggota (anggota badan dan perbuatan), sediakan bahan maujud di rumah masing-masing, muat naik audio bunyi haiwan di aplikasi telefon, tunjuk barang dan minta pelajar cari di sekitar kawasan tempat duduk, lakukan riadah ringan seperti yoga, senaman regangan yang lain dan teka gerak badan guru. Richards (2019) memberi tafsiran bahawa Aktiviti Pembelajaran Kinestetik (APK) antara teknik pedagogi yang amat berkesan untuk membantu pelajar menvisualisasi dan menaakul konsep dan isi kandungan yang bersifat abstrak.
4. Sesi soal jawab dan latihan dengan menggunakan *Kahoot* sebagai kuiz, *whiteboard* dalam *Google Meet* dan sebagainya. Sebagai contoh, penggunaan *Kahoot* boleh menjadi cara yang berkesan untuk memberi motivasi kepada pelajar dalam kelas bahasa asing, sekaligus meningkatkan keupayaan mereka untuk memahami pelbagai bahan bacaan (Korkmaz dan Öz 2021). Guru perlu elak daripada menggunakan latihan sedia ada dalam buku teks kerana kepekaan terhadap hasil pembelajaran hanya dapat diukur oleh guru bergantung kepada pemahaman murid dan situasi yang sedang berlaku. Ini mengambil kira capaian internet pelajar dan penglibatan mereka terhadap aktiviti yang dilaksanakan di dalam kelas maya.
5. Pemilihan alternatif baharu sesuai dengan era 4.0 atau mengurangkan kebergantungan aktiviti atau latihan yang menjurus kepada menulis dan membaca seperti pelaksanaan tradisional boleh dijadikan amalan guru zaman kini. Hasil pembelajaran boleh diukur dengan pelbagai cara dan tidak terbatas kepada menulis dan membaca sahaja. Sebagai contoh, pembentangan dan menyiapkan projek digital harus dijadikan amalan baharu bagi menggantikan latihan bertulis. Sebagai alternatif lain kepada aktiviti menulis dan membaca secara tradisional, Del Moral Prez, Guzman Duque dan Fernndez Garca (2018) mencadangkan pembelajaran berdasarkan permainan (*game-based learning*) ialah suatu metodologi inovatif yang boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan proses latihan pelajar dan mampu mencapai motivasi dalam pembelajaran. Seperti mana Durga dan Rao (2018) semasa membincangkan pendekatan pembelajaran menulis adalah suatu proses, di mana ia harus dilakukan dengan bantuan pembelajaran berpusatkan pelajar kerana keperluan, jangkaan, matlamat, gaya pembelajaran serta kemahiran dan pengetahuan pelajar perlu diambil kira.

## PENUTUP

Untuk memenuhi matlamat dan wawasan bagi mencapai keberkesanan dalam PdP Bahasa Arab era 4.0, guru pelatih perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Ini merangkumi kemahiran pengajaran abad ke-21 seperti pembelajaran dan kemahiran inovasi (*Learning and innovation skills*), kemahiran maklumat, media dan teknologi (*Information, media and technology skills*), kemahiran hidup dan kerjaya (*Life and career skills*) yang terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Pendedahan elemen-elemen PAK-21 ini memberi peluang kepada guru pelatih untuk

mengasimilasi dan mengakomodasi amalan dengan teori yang dipelajari semasa mengikuti latihan perguruan supaya terus memberi komitmen yang tinggi dan terus berwibawa dalam profesi keguruan. Justeru, kajian ini diharap dapat dijadikan landasan kukuh dan panduan yang berguna kepada guru pelatih khususnya dan warga pendidik amnya bagi mendepani cabaran pengajaran era 4.0. Cabaran ini sudah pasti mencabar pengetahuan sedia ada guru di mana ilmu ini perlu diterokai setiap hari mengikut peredaran semasa dunia pendidikan dan teknologi. Dengan ini, guru pelatih dapat memajukan diri ke arah menjana transformasi dalam pendidikan bagi memenuhi aspirasi negara.

## RUJUKAN

- Abdullah, R. N., Abdul Muait, J., & Ganefri, G. 2019. Students' perception towards modern technology as teaching Aids. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 9(2): 37-42.
- Abou-Khalil, V., Helou, S., Khalifé, E., Chen, M. A., Majumdar, R. & Ogata, H. 2021. Emergency online learning in low-resource settings: Effective student engagement strategies. *Education Sciences*, 11(1): 24.
- Ahmadi D. M. R.. 2018. The use of technology in english language learning: a literature review. *IJRREE.3* (2) URL: <http://ijrreeonline.com/article-1-120-en.html>.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. 2017. Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. ISSN: 2180-4842. 7(2) (Nov. 2017): 77-88.
- Albrahim, F. A. 2020. Online teaching skills and competencies. *Turkish Online Journal of Educational Technology-TOJET*, 19(1): 9-20.
- Carlotta Olivetti, E., Violante, M. G., Vezzetti, E., Marcolin, F. & Eynard, B. 2019. Engagement evaluation in a virtual learning environment via facial expression recognition and self-reports: A Preliminary Approach. *Applied Sciences*, 10(1): 314.
- Côté, S. & Gaffney, C. 2021. The effect of synchronous computer-mediated communication on beginner L2 learners' foreign language anxiety and participation. *The Language Learning Journal*, 49(1): 105-116.
- Creswell, J. W. 2005. Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Del Moral Prez, M., Guzmn Duque, A. & Fernndez Garca, L. 2018. Game-based learning: increasing the logical-mathematical, naturalistic, and linguistic learning levels of primary school students. *Journal of New Approaches in Educational Research (NAER Journal)*, 7(1): 31-39. University of Alicante. Retrieved April 11, 2022 from <https://www.learntechlib.org/p/182226/>.
- Durga, S. S., & Rao, C. S. 2018. Developing students' writing skills in English-A process approach. *Journal for Research Scholars and Professionals of English Language Teaching*, 6(2): 1-5.
- Kadir, A. R. A., Keong, C. M., & Abdullah, A. 2014. Tahap amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah agama daerah Kuala Langat, Selangor. *Tempawan Jurnal Penyelidikan*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Jilid XXXI 2014. ISSN 0127-6093.

- Korkmaz, S. & Öz, H. 2021. Using Kahoot to Improve Reading Comprehension of English as a Foreign Language Learners. *International Online Journal of Education and Teaching*, 8(2): 1138-1150.
- Masnan, A. H., & Mohd Radzi, N. M. 2015. Pengetahuan persediaan pengajaran guru prasekolah baru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 4: 90 - 108. Diambil daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/848>.
- Mohammad Rusdi Ab Majid. 2017. Pengetahuan teknologi pedagogi kandungan dan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Bahasa Arab di Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mushtaque, I., Rizwan, M., Dasti, R. K., Ahmad, R. & Mushtaq, M. 2021. Students' attitude and impact of online learning; Role of teachers and classmate support during the Covid-19 crisis. *Performance Improvement*, 60(5): 20-27.
- Nor Azhan Norul'Azmi dan Noor Shamshinaz Zakaria. 2021. Mempraktik kemahiran bertutur dalam Bahasa Arab dan khidmat sosial melalui pembelajaran berasaskan projek. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 5(1): 77-90.
- Puspitarini, Y. D., & Hanif, M. 2019. Using learning media to increase learning motivation in elementary school. *Anatolian Journal of Education*, 4(2): 53-60. <https://doi.org/10.29333/aje.2019.426a>.
- Raja Ismail, R. A., & Ismail, D. 2018. Aplikasi ‘konsep 4c’ pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih pengajian agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 45-65. Diambil daripada <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/8>.
- Reguera, E. A. M., & Lopez, M. 2021. Using a digital whiteboard for student engagement in distance education. *Computers & Electrical Engineering*, 93: 107268.
- Richards, A. J. 2019. Teaching mechanics using kinesthetic learning activities. *The Physics Teacher*, 57(1): 35-38.
- Siti Rohani Jasni, Suhaila Zailani@Ahmad & Hakim Zainal. 2020. Impak pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 3(1) 2020: 010-021.
- Suppiah Nachiappan, Irna Patricia Julia, Norazilawati Abdullah, Sangkari Chandra Sehgar, Sandra Suffian & Noor Athirah Sukri. 2019. Pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran di tadika. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 8(2019): (24-32). ISSN 2289-3032 / eISSN 2550-178X. <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK>, DOI:[https://doi.org/10.37134/jpak.vol8.4.2\\_019](https://doi.org/10.37134/jpak.vol8.4.2_019).
- Wang, X., Liu, T., Wang, J., & Tian, J. 2022. Understanding Learner Continuance Intention: A Comparison of Live Video Learning, Pre-Recorded Video Learning and Hybrid Video Learning in COVID-19 Pandemic. *International Journal of Human-Computer Interaction*, 38(3): 263-281.
- Zakaria, N. S., Norul'Azmi, N. A., Yusoff, N. M. R. N., & Baharudin, H. 2019a. Cultivating nonverbal communication (NVC) skills among Arabic language teachers in virtual classroom. *Creative Education*, 10(12): 2564.
- Zakaria, Z. M., Atan, A., Yusuf, R., & Mei, S. Y. 2019b. Content knowledge competency of Arabic language teacher trainees during teaching practice. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9 (9): 307–319.

NOOR SHAMSHINAR ZAKARIA\*  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

NOR AZHAN NORUL'AZMI  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

\*Pengarang untuk surat menyurat: shamshinar@kuis.edu.my

Received: 26 04 2022 / Accepted: 21 04 2022 / Published: 20 05 2023